

Newspaper	Berita Harian
Date	6 /1/2011

Pendekatan Najib cari maklum balas rungutan suara input kerajaan rangka program

Oleh Meor Hisham Zulkifli
sham@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Pendekatan Datuk Seri Najib Razak melakukan pungutan suara bagi membolehkan rakyat memberi pandangan mengenai bidang perlu diberikan keutamaan kerajaan, dilihat sebagai usaha memastikan rakyat sentiasa mendapat yang terbaik.

Langkah Perdana Menteri itu juga dilihat sebagai usaha kerajaan memastikan rakyat turut sama memastikan penambahbaikan terbaik untuk kemakmuran mereka.

Ketua Puteri UMNO, Datuk Rosnah Abd Rashid Shirlin, berkata pendekatan Perdana Menteri itu menjadi satu lagi mekanisme untuk mengetahui sejauh mana dasar dilaksanakan kerajaan diterima oleh rakyat.

"Saya percaya pendekatan seumpama ini berkesan untuk mendapatkan maklum balas bagi menambahbaikan dasar sedia ada demi memastikan rakyat mendapat yang terbaik.

"Daripada undian yang dibuat, ia sudah pasti boleh dijadikan input untuk kerajaan merangka program susulan terutama dalam bidang yang mendapat undian tertinggi," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas pungutan suara dalam blog Perdana Menteri, www.1Malaysia.com.my, yang dilancarkan kelmarin bagi memberi peluang rakyat memilih

bidang mana yang perlu diberikan perhatian untuk memperbaiki kerajaan sama ada ekonomi, infrastruktur awam, sistem pendidikan atau keselamatan awam.

Sehingga tengah hari semalam, lebih 31 peratus atau 433 responden memilih sektor ekonomi yang perlu menjalani proses penambahbaikan berbanding kemudahan awam (24 peratus, 333 undi), keselamatan awam (23 peratus, 315 undi) dan sistem pendidikan (22 peratus, 301 undi).

Naib Ketua Pemuda UMNO, Datuk Razali Ibrahim, berkata aspek ekonomi sentiasa menjadi keutamaan terutama membabitkan peluang pekerjaan di kalangan belia dan usaha mengurangkan jurang kehidupan di kalangan masyarakat.

"Banyak kajian di kalangan belia mendapati mereka mahukan aspek ekonomi lebih ditekankan, termasuk menyediakan prasarana sewajarnya bagi membangunkan belia serta penyaluran dana bagi membantu golo-



NAJIB berbincang dengan Timbalan Ketua Setiausaha (Kabinet), Tan Sri Mazidah Ab Majid sebelum mempengerusikan mesyuarat Kabinet pertama bagi 2011 di pejabatnya di Putrajaya, semalam.

Pendekatan Perdana Menteri itu menjadi satu lagi mekanisme untuk mengetahui sejauh mana dasar dilaksanakan kerajaan diterima oleh rakyat"

Rosnah Abd
Rashid Shirlin
Ketua Puteri UMNO

ngan usahawan muda," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Belia dan Sukan berkata, kementerian kini sedang mengemas kini maklumat, termasuk berusaha menyalurkan dana belia dalam memastikan dana diperuntukkan dapat disalurkan dengan lebih berkesan.

Pengerusi Persatuan Gabungan Belia India Malaysia, P Mukunta, berkata bebanan ekonomi yang dihadapi rakyat memerlukan perhatian

lebih serius daripada kerajaan ketika jurang antara golongan miskin dan kaya semakin melebar.

"Kerajaan menyediakan pelbagai langkah dan pendekatan, namun kita mahu melihat penambahbaikan supaya segala usaha yang dilakukan tidak akan sia-sia," katanya.

Pengerusi Program Pengajian Antarabangsa Kolej Undang-Undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia,

Dr Mohd Azizudin Mohd Sani, pula berkata undian tinggi terhadap isu ekonomi membuktikan rakyat mengutamakan faktor ekonomi mapan, inflasi, kenaikan harga barang dan peluang pekerjaan.

"Ia menjadi indikator terbaik buat kerajaan menentukan agenda pentadbiran mendapat perhatian ramai kerana ekonomi menjadi teras kepada kestabilan dan pembangunan negara," katanya.